

NOTA TEKNIKAL

1. PENGENALAN

Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan suku tahunan adalah inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk memberikan indikasi awal prestasi ekonomi sebagai tindak balas terhadap statistik makroekonomi terkini. Anggaran awalan disusun berdasarkan maklumat dan penggunaan data daripada survei DOSM dan data pentadbiran daripada agensi berkaitan.

Berdasarkan manual *Quarterly National Accounts (QNA)*, negara yang mengeluarkan anggaran awalan akan mengeluarkan maklumat agregat, terutamanya kadar pertumbuhan KDNK. Anggaran awalan menyediakan ukuran awal ekonomi berdasarkan maklumat yang belum lengkap dan yang tersedia pada masa ia diterbitkan. Walau bagaimanapun, anggaran awalan tidak dapat memberikan tahap komprehensif, konsistensi dan perincian yang sama seperti di dalam sistem QNA dan tertakluk kepada semakan semula.

Versi lengkap QNA hendaklah sentiasa diterbitkan selepas penerbitan anggaran awalan, dalam tempoh suku tahun yang sama daripada tempoh rujukan. Ini perlu untuk mengemaskini maklumat baharu pada suku tersebut dan akan memberikan pengguna maklumat tambahan tentang perubahan dalam pengeluaran dan komponen KDNK perbelanjaan.

2. KELUARAN DALAM NEGARA KASAR

KDNK adalah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap; iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. KDNK ini juga bersamaan dengan perbelanjaan ke atas KDNK (pada harga pembeli) iaitu jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barang dan perkhidmatan tolak dengan import barang dan perkhidmatan.

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu Kaedah Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan. Namun begitu, penerbitan ini hanya menggunakan Kaedah Pengeluaran sahaja.

2.1 KAEDAH PENGELOUARAN

KDNK berasaskan Kaedah Pengeluaran boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan nilai penggunaan perantaraan. Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah yang mana ia menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

KDNK merupakan sistem perakaunan catatan bergu dan dalam penerbitan ini, ianya ditunjukkan seperti berikut:

a. Jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pengeluar yang terlibat dalam ekonomi;

KDNK



\sum Nilai Ditambah Kasar

b. Perbezaan antara output kasar bagi semua pengeluar tolak penggunaan perantaraan (sebagai input)

Nilai Ditambah

=

Output

-

Input

2.2 OUTPUT

Output adalah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ini termasuk pengeluaran untuk pasaran, pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan pengeluaran bukan pasaran (perkhidmatan kerajaan dan NPISHs). Pengeluaran barang dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan oleh pertubuhan.

2.3 PENGGUNAAN PERANTARAAN

Penggunaan perantaraan adalah nilai barang dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar.

2.4 NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barang dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

3. METODOLOGI

Anggaran awalan nilai ditambah suku tahunan diterbitkan mengikut lima (5) sektor ekonomi utama dan dinyatakan dalam harga malar sahaja. Pelbagai kaedah digunakan untuk menganggarkan nilai ditambah awalan secara suku tahunan. Penyediaan anggaran awal pada peringkat awal adalah berdasarkan indikator yang telah diterbitkan. Proses penyusunan anggaran awal mengambil kira pendekatan berikut:

- i. Penggunaan sumber data berdasarkan survei rutin dan data pentadbiran. Sumber data mengandungi maklumat separa seperti liputan sampel yang lebih rendah atau data dua bulan. Data yang diperolehi seboleh mungkin pada frekuensi tertinggi contohnya data bulanan; dan
- ii. Indikator proksi boleh melengkapkan set indikator sedia ada atau membantu meramalkan maklumat yang tiada bagi anggaran awal.

Perenggan berikut menjelaskan secara ringkas mengenai prosedur anggaran yang digunakan.

3.1 PERTANIAN

Data Kelapa sawit diterima lengkap daripada agensi. Sementara itu, indikator lain bagi sektor Pertanian dianggar berdasarkan data separa dengan menggunakan kaedah statistik. Beberapa data pentadbiran dianggarkan oleh agensi yang berkaitan.

3.2 PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Data pentadbiran yang diperolehi daripada agensi berkaitan telah digunakan untuk dua (2) bulan pertama. Bulan ketiga bagi suku tahunan dianggarkan dengan menggunakan maklumat separa dan teknik statistik.

3.3 PEMBUATAN

Data daripada survei telah digunakan untuk menganggarkan dua (2) bulan pertama suku tersebut. Manakala untuk bulan ketiga suku tahun, ia dianggarkan berdasarkan data perdagangan (awalan).

3.4 PEMBINAAN

Output pada harga semasa adalah berdasarkan nilai baki projek sedia ada dan kontrak projek baharu. Survei yang mempunyai sampel lebih rendah bagi setiap subsektor telah dijalankan.

3.5 PERKHIDMATAN

a) Perkhidmatan swasta

Anggaran subsektor Perdagangan Edaran adalah berdasarkan data survei untuk dua (2) bulan pertama suku tersebut. Data untuk perkhidmatan Swasta (kecuali Perdagangan Edaran) dianggarkan berdasarkan data panel dan indikator yang disediakan oleh agensi berkaitan.

b) Kerajaan

Pengeluaran pada harga semasa Perkhidmatan Kerajaan diperolehi daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) secara bulanan.

3.6 DUTI IMPORT

Data bulanan duti import pada harga semasa diperolehi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

TECHNICAL NOTES

1. INTRODUCTION

Advance estimates of quarterly Gross Domestic Product (GDP) is an initiative undertaken by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) to provide an early indication of economic performance in response for timely macroeconomic statistics. Advance estimates are compiled based on a partial set of information and greater use of data sources from DOSM's surveys and administrative data from relevant agencies.

According to Quarterly National Accounts (QNA) manual, countries producing advance estimates tend to release aggregate information, particularly the GDP growth rates. An advance estimate provides a preliminary measurement of the economy on the basis of an incomplete amount of information available at the time of its release. However, advance estimates cannot provide the same level of comprehensiveness, consistency, and detail that are typically expected by a full-fledged system of QNA and are subject to revision.

The complete version of the QNA should always be published after the release of advance estimates, possibly within a quarter from the reference period. This is necessary to incorporate new and updated information in the quarter and will provide users with additional details about changes in production and expenditure GDP components.

2. GROSS DOMESTIC PRODUCT

GDP is the total value of all goods and services produced in a certain period after deducting the cost of goods and services used in the process of production. This value is before deducting the allowances for consumption of fixed capital i.e. the sum of value added of resident producer in producer's price plus import duties. GDP is equivalent to expenditure on the GDP (in purchaser's price) i.e. the sum of all components of final expenditure on goods and services less imports of goods and services.

GDP can be measured by using three approaches namely Production, Expenditure and Income approach. However, in this publication the advance Quarterly GDP estimates representing the Production approach only.

2.1 PRODUCTION APPROACH

GDP based on Production Approach is defined as value of total production of goods and services produced in Malaysia after deducting value of intermediate consumption. This approach is also known as value added approach which will be able to show the contribution of each economic activity on overall GDP.

GDP is an item in a double entry accounting system and in this publication, it is presented in the following ways:

- a. The sum of gross value added of all producers engaged in production in the economy;



- b. The difference between gross output of all producers less the intermediate consumption (as input).

$$\text{Value Added} = \text{Output} - \text{Input}$$

2.2 OUTPUT

Output is the value of goods and services produced. This includes market production, production for own final use, and non-market production (government services and NPISHs). Production of goods and services is not necessarily for sale or turnover of establishment.

2.3 INTERMEDIATE CONSUMPTION

Intermediate consumption is the value of goods and services consumed (as input) in the production process of goods and services excluding salaries and wages, depreciation of capital and net interest paid.

2.4 VALUE ADDED

Value added is the difference between output and intermediate consumption. It represents the added value of goods and services by economic activity. Hence, it is approximately equivalent to commercial profit, salaries and wages, depreciation and indirect taxes; plus, interest paid less interest received.

3. METHODOLOGY

Advance quarterly estimates of value added is published by five (5) main economic sectors and expressed in constant prices only. Various methods are used for estimating value added of advanced quarterly basis. The preparation of advance estimate at the initial stage is based on the indicators that have been published. Advance estimate compilation process takes into consideration of the following approaches:

- i. Usage of data sources based on regular surveys and administrative data. The data sources containing partial information such as lower sample coverage or two months data. The available data should as much as possible at the highest frequency e.g. monthly data; and
- ii. Proxy indicators may complement the set of existing indicators or assist to predict the missing information for the advance estimate.

The following paragraphs provide a brief explanation on the estimation procedures used.

3.1 AGRICULTURE

Oil palm data complete 3 months from the agency. While, other indicators for Agriculture sector estimate based on partial data and adopting statistical technique. Several administrative data is estimated by the relevant agencies.

3.2 MINING AND QUARRYING

Administrative data obtained from relevant agencies has been used for the first two (2) months. The third month of the quarter is estimated by using partial information and statistical technique.

3.3 MANUFACTURING

Data from survey has been used for estimating the first two (2) months of the quarter. While for the third month of the quarter, it is estimated based on trade data (preliminary).

3.4 CONSTRUCTION

Output at current prices was based on the value of balance of existing projects and new project contracts. Survey with lower sample for each sub-sectors were carry out.

3.5 SERVICES

a) Private Services

Distributive Trade subsector estimation is based on the survey data for first two (2) months of the quarter. Data for Private services (except Distributive Trade) is estimated based on panel data and indicators provided by related agencies.

b) Government

Output at current prices of Government Services was obtained from Accountant General's Department of Malaysia (AGD) on monthly basis.

3.6 IMPORT DUTIES

Monthly data on import duties at current prices is obtained from Royal Malaysian Customs Department.

4. SUMBER DATA / DATA SOURCES

Data primer / *Primary data:*

Bil. No.	Sumber Data <i>Data Sources</i>
Bulanan / Monthly	
1	Perangkaan Perdagangan Luar Negeri <i>External Trade Statistics</i>
2	Indeks Perdagangan Luar Negeri <i>External Trade Indices</i>
3	Perangkaan Pembuatan Bulanan <i>Monthly Manufacturing Statistics</i>
4	Indeks Pengeluaran Perindustrian (Pembuatan, Perlombongan & Pengkuarian dan Elektrik) <i>Index of Industrial Production (Manufacturing, Mining & Quarrying and Electricity)</i>
5	Perdagangan Borong & Runcit Bulanan <i>Monthly Wholesale & Retail Trade (MDT)</i>
6	Perangkaan Getah Bulanan <i>Monthly Rubber Statistics</i>
7	Perangkaan Tenaga Buruh <i>Labour Force Statistics</i>
8	Perdagangan Barang Import & Eksport (termasuk import bagi Penggunaan Akhir) <i>Import & Export of Merchandise Trade (inclusive import by End Consumption)</i>
9	Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit <i>Volume Index of Wholesale & Retail Trade</i>
10	Indeks Harga Pengguna (IHP) <i>Consumer Price Index (CPI)</i>
11	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) <i>Produce Price Index (PPI)</i>
Suku Tahunan / Quarterly	
12	Survei Perkhidmatan Suku Tahunan <i>Quarterly Services Survey (QSS)</i>
13	Indeks Perkhidmatan <i>Index of Services (IoS)</i>
14	Survei Pembinaan Suku Tahunan <i>Quarterly Construction Survey (QCS)</i>
15	Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) <i>Services Producer Price Index (SPPI)</i>
16	Penduduk <i>Population</i>
17	Perkhidmatan Eksport & Import <i>Exports & Imports of Services</i>

Data pentadbiran / *Administrative data:*

Bil. No.	Sumber Data <i>Data Sources</i>
1	Bank Negara Malaysia (BNM) <i>Central Bank of Malaysia</i>
2	Lembaga Minyak Sawit Malaysia <i>Malaysia Palm Oil Board (MPOB)</i>
3	Jabatan Perikanan Malaysia <i>Department of Fishery Malaysia (DOF)</i>
4	Jabatan Perhutanan <i>Forestry Department</i>
5	Jabatan Perkhidmatan Veterinar <i>Department of Veterinary Services (DVS)</i>
6	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia <i>Malaysian Pineapple Industry Board</i>
7	Jabatan Akauntan Negara Malaysia <i>Accountant General's Department of Malaysia</i>
8	Jabatan Kastam Diraja Malaysia <i>Royal Malaysian Customs Department</i>

5. SINGKATAN / ABBREVIATIONS

DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia <i>Department of Statistics Malaysia</i>
BNM	:	Bank Negara Malaysia <i>Central Bank of Malaysia</i>
WB	:	Bank Dunia <i>World Bank</i>
KKR	:	Kementerian Kerja Raya <i>Ministry of Works</i>
NHD	:	Jabatan Perumahan Negara <i>National Housing Department</i>
JPJ	:	Jabatan Pengangkutan Jalan <i>Road Transport Department</i>
MRB	:	Lembaga Getah Malaysia <i>Malaysian Rubber Board</i>
MPOB	:	Lembaga Minyak Sawit Malaysia <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MAA	:	Persatuan Automotif Malaysia <i>Malaysian Automotive Association</i>

6. NOTA / NOTES

Jumlah angka-angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

The sum of the component figures may not tally with the sub-total or total figures due to rounding.